




KEMENTERIAN
W I L A Y A H
PERSEKUTUAN

Pelan Strategik KWP

Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera



Penjelasan Kulit Hadapan dan Belakang



Masjid Putrajaya, KLCC dan Ujana Kewangan Labuan melambangkan tiga wilayah di bawah teraju **Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)**. Masjid yang di kelilingi tasik mencerminkan hasrat KWP untuk mewujudkan masyarakat wilayah persekutuan yang harmoni, bermoral, beretika dan sejahtera. KLCC dan Ujana Kewangan Labuan pula melambangkan kemajuan dan aspirasi KWP untuk membangunkan wilayah-wilayah di bawah pentadbirannya ke arah kemajuan bertaraf dunia.









Kandungan

1. RINGKASAN EKSEKUTIF	1
2. PENGENALAN	5
RASIONAL PELAN STRATEGIK	
3. LATAR BELAKANG KWP	9
PERSPEKTIF SEJARAH FUNGSI DAN PERANAN STRUKTUR ORGANISASI AGENSI-AGENSI KWP PIHAK BERKEPENTINGAN KWP	
4. ASPIRASI	17
5. MEMBENTUK STRATEGI	21
VISI MISI NILAI-NILAI TERAS MOTO	
6. RANGKA STRATEGIK	31
TERAS STRATEGIK M - MODAL INSAN A - ASPEK EKONOMI N - NILAI TAMBAH T - TEKNOLOGI A - ALAM SEKITAR P - PENYERTAAN MASYARAKAT CABARAN	
7. PELAN PELAKSANAAN	51
PENUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	
8. LANGKAH SUSULAN	61
9. LAMPIRAN	62



eksekutif

Pelan Strategik ini merupakan sebuah dokumen hala tuju kementerian yang amat penting untuk dijadikan garis panduan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga merupakan salah satu daripada usaha KWP dalam mencipta dan membentuk hala tuju, budaya kerja dan identitinya yang tersendiri. Hasrat KWP selain daripada mewujudkan Wilayah Persekutuan yang bertaraf dunia dari segi pembangunan infrastruktur, tetapi juga merangkumi aspek pembangunan modal insan bagi masyarakatnya.

Teras Strategik KWP yang dikenali pasti adalah seperti berikut:

- Penekanan terhadap pembangunan **Modal Insan**.
- Tumpuan terhadap pembangunan **Ekonomi** di Wilayah Persekutuan.
- Memberi **Nilai Tambah** kepada Pihak Berkepentingan (Stakeholders).
- Kemajuan didorong berteraskan **Teknologi**.
- Pemuliharaan **Alam Sekitar** dalam projek pembangunan.
- **Penyertaan Masyarakat** dari segi cadangan, pandangan dan penglibatan.





Kuala Lumpur - 1800



Akronim Teras Strategik KWP, **MANTAP** melambangkan usaha dan dedikasi KWP untuk menjadi sebuah Kementerian yang cemerlang dan terbilang. Teras Strategik tersebut akan dijadikan panduan untuk merealisasikan Visi KWP, **Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera**.

Nilai-nilai Teras **MAJU – Mesra, Amanah, Jelas, Unggul** dijadikan panduan kepada pegawai-pegawai KWP dalam melaksanakan misi KWP iaitu **Menerajui perancangan, pengurusan dan penyelarasan pembangunan insan, ekonomi, masyarakat dan persekitaran bagi merealisasikan Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera meliputi perancangan Lembah Klang.**



Jalan Petaling, Kuala Lumpur - 1900



Jalan Petaling, Kuala Lumpur - 2005

Pertemuan dua Sungai Gombak dan Sungai Klang (1880an)



Pertemuan dua Sungai Gombak dan Sungai Klang (2005)

Pengenalan

Pada Disember 2004, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah membentuk Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik yang diketuai oleh Ketua Setiausaha KWP dan dibantu oleh pegawai-pegawai tertinggi KWP serta wakil-wakil daripada agensi di bawahnya.

Maklum balas dari pegawai atasan KWP, wakil agensi, pihak NGO, pemaju, kontraktor dan orang awam dijadikan panduan bagi mengenalpasti kedudukan semasa Kementerian pada masa sekarang serta aspirasinya. Dokumen Pelan Strategik ini yang merangkumi Visi, Misi, Nilai-nilai Teras, Teras Strategik, Strategi, Pelan Pelaksanaan dan Petunjuk Prestasi Utama telah dibentuk dengan mengambil kira cadangan dan pandangan pihak tersebut di atas.



Pejabat KWP - 2005

Lapangan Terbang Labuan - 1950an



Lapangan Terbang Labuan - 2004

Rasional Pelan Strategik

Pembentukan Pelan Strategik KWP merupakan langkah pertama dalam menentukan hala tuju yang akan memanfaatkan pihak-pihak yang terlibat, khususnya komuniti di Wilayah Persekutuan. Tanpa Pelan Strategik, adalah sukar untuk KWP memfokuskan tenaga dan usahanya bagi mencapai matlamat sebenar.

Pelan Strategik ini akan menyediakan:

- Rangka untuk membuat keputusan.
- Asas dan rangka kepada Pelan Pelaksanaan KWP.
- Asas kepada pembentukan Pelan Operasi KWP.
- Asas untuk membuat perancangan secara terperinci.
- Pemangkin perubahan dan asas bagi perancangan KWP di masa akan datang.

Nilai sebenar pelan ini terletak pada pelaksanaan strategi dan tindakan yang disarankan. Oleh itu, amatlah penting dokumen ini diambil sebagai dokumen utama yang memerlukan kajian semula ke atas kemajuan semasa pelaksanaan strategi dan tindakan yang telah dikenalpasti. KWP akan mengkaji semula Pelan Strategik ini dari semasa ke semasa untuk membuat sebarang pembaharuan yang diperlukan bersesuaian dengan perubahan yang berlaku dalam jangka masa tersebut.



Latar belakang

KWP

Perspektif Sejarah

Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dahulunya sebahagian daripada Selangor, masing-masing diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974 (Kuala Lumpur) dan 1 Februari 2001 (Putrajaya). Labuan pula yang dahulunya sebahagian daripada Sabah, diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984.

Pembentukan Kabinet baru pada 27 Mac 2004 (tugas-tugas sebagai mana yang dinyatakan di dalam Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969, seperti di dalam Lampiran) oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi telah membawa kepada penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk memberi tumpuan khusus terhadap kemajuan wilayah persekutuan tersebut.



Pengisytiharan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - 1 Februari 1974



Pengisytiharan Wilayah Persekutuan Labuan - 1 Februari 1984

Fungsi dan Peranan KWP


Menggubal, merancang dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan fizikal dan insan berteraskan nilai dan budaya Malaysia dengan fokus kepada:

- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – Bandar Raya Bertaraf Dunia.
- Wilayah Persekutuan Putrajaya - Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang utama.
- Wilayah Persekutuan Labuan - Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, Pulau Pelancongan Bebas Cukai Antarabangsa dan Pusat Pendidikan yang terkemuka.
- Pusat perancangan bagi pembangunan Wilayah Lembah Klang yang terancang dan terkawal.
- Hal Ehwal Kepulauan Luar Pesisir.



Pengisytiharan Wilayah Persekutuan Putrajaya - 1 Februari 2001

Struktur Organisasi KWP



Sehingga 30 Jun 2005

Agensi-Agensi KWP

Berikut adalah tiga (3) Agensi yang terletak di bawah bidang kuasa KWP:


- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- Perbadanan Putrajaya
- Perbadanan Labuan

Visi, Misi dan Objektif agensi-agensi KWP adalah seperti berikut.

	DBKL	Perbadanan Putrajaya	Perbadanan Labuan
Visi	Menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur, sebuah bandar raya bertaraf dunia	Menjadikan Putrajaya bandar raya terulung	Menjadikan Labuan pulau yang maju, indah dan harmoni menjelang 2015
Misi	Bersatu tenaga secara produktif dan berkualiti, bagi menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang	• Menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang membentuk persekitaran sempurna untuk kediaman dan tempat bekerja. • Menyediakan servis yang berkualiti dan memenuhi keinginan pelanggan. • Menyediakan pentadbiran yang efisien dan berkesan.	Memastikan Pembangunan yang terancang melalui: • Pembangunan Sosial dan Ekonomi yang progresif. • Pembangunan berterusan bagi Infrastruktur dan servis. • Untuk menjadikan Labuan sebagai pulau Pelancangan dan Bebas Cukai.
Objektif	Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang terunggul dan cemerlang Memastikan mutu alam sekitar dipertingkatkan dan seimbang dari segi kebersihan, ekologi dan pembangunan	• Untuk membangun, mentadbir dan mengurus Putrajaya bagi pihak Kerajaan Pusat.	• Menjadikan Perbadanan Labuan sebagai agensi perancang pembangunan yang terbaik • Menjadikan Perbadanan Labuan Majlis Perbandaran Tempatan yang efisien dan berkesan. • Untuk memulakan pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan sukan di Labuan • Menjadikan Labuan sebagai destinasi Pelancangan Antarabangsa. • Menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa

Pihak Berkepentingan (Stakeholders) KWP

Secara amnya, ilustrasi berikut menggambarkan Pihak Berkepentingan KWP.



Sinergi yang dibentuk bersama Pihak Berkepentingan tersebut akan memberi impak kepada kejayaan dan keberkesanan KWP. Kefahaman terhadap keperluan Pihak Berkepentingan yang pelbagai dan mempunyai objektif yang berbeza adalah langkah permulaan untuk KWP mengenalpasti bentuk perkhidmatan yang diperlukan. Gabungan elemen ini

akan meningkatkan lagi keberkesanan

KWP untuk memberi nilai tambah kepada Pihak Berkepentingan tersebut. Pelan Strategik yang dibangunkan ini mengambilkira elemen tersebut di dalam pembentukan visi dan misi KWP.





Aspirasi

Aspek Pentadbiran

- Memangkin usaha **penambahbaikan** ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.
- Merangka dasar-dasar kerajaan tempatan bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, dasar hal ehwal bandaraya Kuala Lumpur dan dasar kadar dan perumahan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Meningkatkan pengurusan pengagihan **peruntukan** supaya lebih efektif.
- Meningkatkan usaha **koordinasi** berhubung isu-isu sempadan.
- Meningkatkan **imej KWP**.
- Meningkatkan **integriti** dalam perkhidmatan.
- Mewujudkan saluran **komunikasi** dan tindakan yang lebih berkesan.
- **Merancang** dan **memantau** program-program dan projek-projek.
- Meningkatkan **kerjasama** antara Agensi dalam menangani pelbagai isu.
- **Memperkemas** dan **menyeragamkan** pemakaian undang-undang bagi agensi-agensi.
- **Membantu** dan memberi arah tuju kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam pelaksanaan tugas utama mereka.
- **Menerajui** usaha-usaha perancangan dan penyelidikan.

Padang Lumba Kuda - 1980an
(sebelum pembinaan Taman KLCC)



Taman KLCC - 2005



Aspek Sosial dan Ekonomi

- **Membasmi** kemiskinan.
- **Menangani** masalah-masalah sosial.
- **Meningkatkan taraf ekonomi** penduduk di Wilayah Persekutuan.
- **Menyediakan peluang** dan kemudahan infrastruktur kepada masyarakat untuk mencapai kemajuan ekonomi.
- Melaksanakan langkah-langkah untuk **menggalakkan pelaburan** daripada organisasi dan entiti perniagaan antarabangsa.

Aspek Masyarakat

- Memberi tumpuan terhadap **pembangunan insan**.
- Mewujudkan **kemudahan asas sukan** di Wilayah Persekutuan untuk penggunaan bersama.
- Mewujudkan **Bank Idea** bagi memudahkan masyarakat menyalurkan cadangan mereka.
- Membimbing dan memimpin usaha **perancangan** dan **penyelidikan**.
- Menerima dan membangunkan **idea** dan cadangan **inovatif**.



Membentuk
strategi

Visi

Wilayah Persekutuan
Maju dan
Sejahtera

Wilayah Persekutuan

- Wilayah Persekutuan terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kepulauan Luar Pesisir.

Maju


- Maju dari segi ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya.

Putrajaya 2005



Sejahtera

- Sejahtera dalam aspek bandar raya yang berkualiti dan efisien yang mempunyai infrastruktur yang terancang dan berkualiti.
- Sejahtera dalam aspek sistem pengangkutan awam yang tepat, cepat dan selamat.
- Sejahtera dari segi keselamatan awam yang terjamin, kemudahan rekreasi dan tempat hiburan untuk memenuhi pelbagai keperluan masyarakat.
- Sejahtera dalam aspek keharmonian integrasi antara kaum dan penyertaan masyarakat untuk membentuk komuniti yang berhemah, berbudi bahasa dan berbudaya tinggi.
- Sejahtera dalam aspek pencapaian masyarakat yang berilmu, bermoral, beretika dan bersikap toleransi.
- Sejahtera dari segi pencapaian ekonomi dan peluang pekerjaan untuk masyarakat.
- Sejahtera dari segi nilai kebersihan, keselesaan dan penjagaan alam sekitar.





Misi

M e n e r a j u i
p e r a n c a n g a n ,
p e n g u r u s a n

dan penyelarasan pembangunan
insan, masyarakat, ekonomi dan
persekitaran bagi merealisasikan Wilayah
Persekutuan maju dan sejahtera serta
membantu dalam perancangan Lembah Klang



Mercu Tanda Putrajaya - 2005



Nilai-Nilai Teras

MESRA

AMANAH

JELAS

UNGGUL



Moto


Bersama
Memajukan
Wilayah Persekutuan



Bandaraya Kuala Lumpur



Pelabuhan Labuan





Rangka strategik

Akronim Rangka Strategik KWP, **MANTAP** melambangkan usaha dan dedikasi KWP untuk menjadi sebuah Kementerian yang cemerlang dan terbilang. Rangka Strategik tersebut akan dijadikan panduan untuk merealisasikan Visi KWP.



Teras Strategik

Modal Insan

- Penekanan terhadap pembangunan Modal Insan.

Aspek Ekonomi

- Tumpuan terhadap pembangunan Ekonomi di Wilayah Persekutuan.

Nilai Tambah

- Memberi Nilai Tambah kepada Pihak Berkepentingan.

Teknologi

- Kementerian berteraskan Teknologi.

Alam Sekitar

- Pemuliharaan Alam Sekitar dalam projek pembangunan.

Penyertaan Masyarakat

- Penglibatan Masyarakat dalam bentuk cadangan, pandangan dalam pelbagai aktiviti.



Strategi

Beberapa strategi telah dirumuskan bagi menangani cabaran-cabaran dan mencapai objektif dalam Teras Strategik

Modal Insan


Penekanan terhadap Pembangunan Modal Insan adalah merangkumi 2 aspek:

■ Modal Insan Warga KWP

Pembangunan Modal Insan adalah penting sebagai strategi utama bagi mencapai wawasan dan misi ke arah mewujudkan pekerja KWP yang berpengetahuan dan cemerlang.

■ Modal Insan Masyarakat Wilayah Persekutuan

Program-program yang berunsurkan pembentukan masyarakat berilmu, bersikap toleransi, berhemah, berdisiplin dan berbudaya perlu diwujudkan untuk menghasilkan masyarakat Wilayah Persekutuan yang maju dan sejahtera.



Pembangunan **Modal Insan** dicapai melalui kaedah berikut:

- **Pembangunan Kerjaya Strategik**

Meningkatkan kecekapan pekerja serta menanam minat terhadap kerja yang mereka lakukan.

- **Program Latihan Tersusun**

Mewujudkan Program Latihan Tersusun dan sistematik bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi.

- **Ganjaran Berasaskan Pencapaian**

Menggalakkan pencapaian peribadi dan berkumpulan. Ganjaran tidak semestinya berbentuk kewangan tetapi merupakan pengiktirafan dari KWP, agensi kerajaan lain serta Pihak Berkepentingan.

- **Membangunkan Program Berasaskan Komuniti**

Mewujudkan program secara tersusun dan strategik ke arah pembangunan komuniti.

- **Menyediakan Kemudahan Awam**

Merancang dan menyediakan kemudahan awam bagi keselesaan pembangunan insan dan komuniti.

- **Pembangunan Yang Peka**

Merancang dan membangunkan kemudahan awam kepada kanak-kanak, warga kurang upaya serta warga emas.



Aspek Ekonomi

Tumpuan terhadap Pembangunan Ekonomi di Wilayah Persekutuan

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab mentadbir pembangunan seluruh Wilayah Persekutuan, penting bagi KWP menerajui perancangan dan pengurusan wilayah-wilayah di bawah pentadbirannya bagi memastikan:

- Peningkatan taraf ekonomi penduduk Wilayah Persekutuan.
- Pembangunan dalam sektor – sektor ekonomi yang penting seperti sektor perdagangan dan pelancongan.
- Pelaksanaan langkah-langkah untuk menggalakkan pelaburan daripada organisasi dan entiti perniagaan antarabangsa.
- Penyediaan peluang dan kemudahan infrastruktur kepada warga kota untuk mencapai kemajuan ekonomi.
- Pembasmian kemiskinan dengan meningkatkan taraf pendapatan keseluruhan warga kota.

Hasrat ini dicapai melalui kaedah berikut:

- Mempromosi pembangunan yang menghasilkan keluaran sampingan untuk pembangunan ekonomi lain serta peluang-peluang pekerjaan.
- Mencipta insentif bagi sektor swasta yang turut bekerjasama membasmi kemiskinan.
- Pembahagian peluang secara adil.
- Memperkenalkan polisi mesra perniagaan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi.
- Memaksimumkan pulangan bagi sektor swasta.
- Penyediaan infrastruktur yang menjana pertumbuhan ekonomi.



Financial Park , Labuan- 2005

Nilai Tambah

Memberi Nilai Tambah kepada Pihak Berkepentingan

Penting bagi KWP menampilkan imej positif sebagai sebuah organisasi yang memberi nilai tambah kepada Pihak Berkepentingan dengan berperanan sebagai penyelaras dalam menangani isu-isu lintasan sempadan, saluran komunikasi di antara masyarakat kota, agensi pelaksana dan sebagainya.

Hasrat ini dicapai melalui kaedah berikut:

- Menyelaraskan sumber dengan keutamaan strategik bagi memastikan penggunaan dana awam yang optima.
- Membangunkan polisi-polisi yang baik dan responsif bagi memastikan polisi sentiasa dikemaskini dan relevan kepada keperluan orang ramai dan persekitaran yang berubah-ubah.
- Penggunaan kewangan yang baik dan urus tadbir yang cekap untuk penggunaan dana dan aset.
- Memaksimakan keberkesanan pentadbiran dalam Kementerian.
- Perkongsian maklumat antara agensi-agensi untuk mempromosikan perkongsian informasi dan pengalaman supaya dapat mencari penyelesaian yang lebih efektif dan dapat mengelakkan segala kesilapan masa lalu.



Keretapi Tanah Melayu - 1890

Teknologi

Kementerian Berteraskan Teknologi

Selari dengan usaha kerajaan yang menjurus kepada ekonomi berasaskan teknologi, KWP akan turut menggunakan Teknologi untuk mencapai perolehan maksimum. Kuasa Pengetahuan dan Informasi amat penting untuk KWP melipatgandakan sumbangan dan impaknya. Menjadi kementerian berteraskan teknologi tidak bererti ia akan melibatkan kos pelaburan tinggi. Sebaliknya, tumpuan perlu diberi untuk mengeksploitasi kecanggihan teknologi agar keputusan yang diingini dapat dicapai dengan cepat dan tepat.

Strategi Teknologi dicapai melalui kaedah berikut:

- **Proses yang dikaitkan kepada objektif**

Mempastikan sistem dan proses adalah sejajar dengan teras strategik KWP.

- **Pengawasan Pencapaian Mengikut Masa Sebenar**

Membolehkan KWP mendapatkan akses kepada informasi kritikal pada Masa Hampir Sebenar, bila-bila masa bagi membantu KWP membuat keputusan tepat.

- **Sokongan Keputusan Eksekutif**

Menerapkan konsep Pengetahuan adalah kuasa; kuasa untuk membuat keputusan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan.

- **Membangunkan Kemahiran Teknologi**

Meningkatkan kemahiran teknologi dan menggunakannya sebagai agen perubahan.



Alam Sekitar

Pemuliharaan Alam Sekitar dalam Projek Pembangunan

Bagi mengimbangi pembangunan ekonomi dan sosio ekonomi. KWP, ia perlu mengambil kira impak terhadap alam sekitar. Memulihara dan melindungi kekayaan sumber alam sekitar mestilah menjadi strategi utama bagi KWP dalam menimbangkan pelaksanaan program-programnya.

Strategi Alam Sekitar dicapai melalui kaedah berikut:

- Menggubal Polisi dan Insentif bagi pemuliharaan Alam Sekitar.
- Sistem pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang yang komprehensif.
- Mengenalpasti perkara-perkara yang merupakan kepentingan dan keutamaan strategik.
- Program ganjaran untuk mereka yang menyumbang kepada pemuliharaan serta memperbaiki keadaan alam sekitar.



Pelan Struktur Putrajaya



Penyertaan Masyarakat

Penyertaan Masyarakat melalui segi cadangan, pandangan dan penglibatan

Penyertaan Masyarakat menunjukkan kesediaan KWP untuk mengambilkira keperluan orang ramai kerana mereka juga sebahagian daripada Pihak Berkepentingan KWP. Pendekatan Penyertaan Masyarakat ini akan dibuat sepanjang pusingan hayat tahap pembangunan seperti berikut:

■ Tahap Permulaan

Pembentukan idea dan cadangan.

■ Tahap Pra-Pelaksanaan

Mendapatkan maklum balas daripada komuniti dan Pihak Berkepentingan sebelum pelaksanaan untuk mengukur kemungkinan penerimaan atau penolakan pelaksanaan tersebut.

■ Tahap Pelaksanaan

Mendapatkan maklum balas semasa pelaksanaan untuk mengenalpasti sebarang kekurangan atau untuk mendapatkan petunjuk pada awal pelaksanaan. Ia merupakan sistem amaran awal tentang kemungkinan yang boleh berlaku.

■ Tahap Pasca-Pelaksanaan

Menjalankan *post mortem* tentang hasil pelaksanaan, sebagai landasan untuk mengumpul maklumat tentang apa yang telah dipelajari dan dijadikan contoh bagi pelaksanaan akan datang.



Strategi penyertaan masyarakat dicapai melalui kaedah berikut:

■ Pembangunan Bank Idea

Mewujudkan saluran, peluang, suasana dan budaya kerajaan yang menggalakkan penyertaan masyarakat dari segi sumbangan idea dan cadangan untuk pertimbangan KWP dalam membentuk Wilayah Persekutuan yang harmoni dan sejahtera untuk didiami.

■ Saluran maklum balas

Mewujudkan jalan, saluran dan mekanisma untuk mengurangkan unsur kejutan dalam pelaksanaan projek dan program yang melibatkan komuniti. Maklum balas komuniti sentiasa dianalisa dan diambil kira untuk mengukur keberkesanan dan penerimaan masyarakat.

■ Perkongsian Strategik dengan Pihak Berkepentingan

Menarik penyertaan dan penglibatan Pihak Berkepentingan dalam pelaksanaan inisiatif KWP bagi memperhebatkan lagi kejayaan pelaksanaan projek.

■ Unit Pengurusan Perhubungan Pelanggan

Mewujudkan unit yang memfokuskan kepada usaha menguruskan mutu perkhidmatan agensi-agensi pelaksana bagi meningkatkan lagi kepuasan pelanggan dan menaik taraf imej KWP.



Cabaran

KWP akan menghadapi pelbagai cabaran dalam mencapai wawasannya. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran ini BUKANLAH halangan yang membawa kepada kegagalan. Malah ia hendaklah dilihat secara positif sebagai sebahagian daripada cabaran yang perlu ditangani untuk lebih berjaya. Sungguhpun begitu, KWP akan terus berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni dan taraf hidup berkualiti bagi mereka yang melawat, bekerja dan tinggal di Wilayah Persekutuan. Beberapa cabaran yang dikenalpasti dan cuba ditangani dalam Pelan Strategik ini adalah seperti berikut:

■ Keperluan agensi-agensi yang berbeza

- Perbezaan kedudukan kewangan.
- Perbezaan kepakaran teknikal.
- Perbezaan tahap keperluan khidmat nasihat.
- Perbezaan bentuk pembangunan yang diperlukan.

■ Perbezaan keperluan komuniti

- Kepelbagaian dan perbezaan keperluan setiap komuniti.
- Kepelbagaian latar belakang komuniti yang berbeza.
- Komposisi kaum, jurang pendapatan dan tahap pendidikan yang berbeza.
- Keperluan berbeza terhadap khidmat bantuan untuk membuka peluang kepada sektor komersil.
- Perbezaan harapan antara agensi-agensi.

■ Penyelesaian masalah komuniti

- Desakan komuniti terhadap KWP dalam menangani isu-isu yang tertunda.
- Keperluan penyelesaian segera untuk mewujudkan sebuah proses dan sistem komunikasi yang efisien.
- Kepelbagaian latar belakang kakitangan dalaman yang mempunyai cara pemikiran yang berbeza.





Pelan pelaksanaan

Strategi yang telah dikenal pasti akan dilaksanakan dalam jangka masa lima (5) tahun. Pelaksanaan awal (dua tahun pertama) akan ditumpukan kepada perkara yang memerlukan perhatian segera, strategi yang lebih mudah untuk dilaksanakan serta memberi impak lebih besar. Strategi yang lebih kompleks akan dijalankan pada tahap separuh kedua jangka masa pelaksanaan.

■ Pelaksanaan awal

KWP akan memberi tumpuan kepada perkara yang bakal meningkatkan kecekapan keseluruhan Kementerian. Pada masa sama, KWP akan melaksanakan program melibatkan orang ramai untuk menjana idea dan mengenal pasti keperluan mereka.

■ Pelaksanaan seterusnya

KWP akan memfokuskan usahanya kepada perkara-perkara yang akan memperkukuh Wilayah Persekutuan menjadi Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera.

M - Modal Insan

Warga KWP

- Pembangunan Kerjaya Strategik.
- Program Latihan Tersusun.
- Ganjaran berasaskan Pencapaian.

Masyarakat


- Pembangunan program berasaskan komuniti.
- Penyediaan kemudahan awam demi membantu
- Pembangunan Insan dan Komuniti.
- Pembangunan yang peka kepada keperluan kanak-kanak, Warga Emas dan Orang Kurang Upaya.

A - Aspek Ekonomi

- Mempromosi pembangunan yang menghasilkan keluaran sampingan untuk pembangunan ekonomi lain serta peluang-peluang pekerjaan.
- Mencipta insentif bagi sektor swasta yang turut bekerjasama membasmi kemiskinan.
- Pembahagian peluang-peluang secara adil.
- Memperkenalkan polisi mesra perniagaan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi.
- Memaksimumkan pulangan bagi sektor swasta.
- Penyediaan infrastruktur yang menjana pertumbuhan ekonomi.

N - Nilai Tambah

- Menyelaraskan sumber mengikut keutamaan strategik.
- Membangunkan Polisi yang baik dan responsif.
- Pengurusan Kewangan yang baik dan urus tadbir yang cekap.
- Kecekapan dan keberkesanan pentadbiran dalam Kementerian.
- Perkongsian Informasi antara Agensi - Agensi.



T - Teknologi

- Proses yang dikaitkan kepada Objektif.
 - Sokongan Keputusan Eksekutif.
 - Pengawasan Pencapaian mengikut Masa Sebenar.
 - Membangunkan Kemahiran Teknologi.
 - Membangunkan Sistem Berasaskan Pengetahuan.
-

A - Alam Sekitar

- Membangunkan Polisi dan Insentif bagi Perlindungan Alam Sekitar.
 - Pengawasan dan Penguatkuasaan Alam Sekitar yang Komprehensif.
 - Mengenalpasti perkara-perkara yang merupakan kepentingan dan keutamaan strategik.
 - Program ganjaran kepada mereka yang menyumbang kepada perlindungan dan pembaikan alam sekitar.
-

P - Penyertaan Masyarakat

- Pembangunan Bank Idea.
- Saluran bagi menyalurkan maklum balas.
- Perkongsian Strategik bersama Pihak Berkepentingan KWP.
- Mengukuhkan Unit Pengurusan Perhubungan Pelanggan.



Petunjuk Prestasi Utama

Modal Insan

- Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia
- Bilangan program-program latihan
- Indeks kepuasan pekerja
- Ukuran Kemahiran dan Kecekapan

Aspek Ekonomi

- Indeks kualiti kehidupan
- Pendapatan per kapita
- Pertumbuhan ekonomi
- Peluang pekerjaan
- Jurang pendapatan antara kaum
- Jumlah pelaburan
- Jumlah pelancong dan tempoh penginapan

Nilai Tambah

- Mewujudkan proses penyelarasan sumber
- Cadangan dan peratus kejayaan projek
- Indeks Kepuasan Pihak Berkepentingan
- Mewujudkan urus tadbir korporat
- Bilangan dan peringkat informasi

Teknologi

- Indeks literasi teknologi
- Indeks penggunaan teknologi
- Bilangan proses yang berteraskan Teknologi
- Indeks Kecekapan Proses
- Peningkatan tempoh pelaksanaan

Alam Sekitar

- Indeks pemuliharaan alam sekitar
- Bilangan projek pemulihan alam sekitar
- Polisi dan Insentif berkenaan alam sekitar
- Ganjaran berkait dengan alam sekitar

Penyertaan Masyarakat

- Bilangan idea dan cadangan yang dilaksanakan
- Bilangan dan keberkesanan maklum balas
- Bilangan kerjasama strategik
- Kualiti, imej dan mutu perkhidmatan Kementerian



Langkah susulan

Langkah-langkah susulan yang dicadangkan dalam pelaksanaan inisiatif strategik adalah seperti berikut:

Bil.	Tindakan	Tempoh
1.	Mewujudkan Jawatankuasa Pemandu • Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Pelan Strategik • Jawatankuasa Pemandu ICT.	Julai, 2005
2.	Menjelaskan hala tuju strategik, teras strategik, inisiatif strategik kepada kakitangan.	Julai, 2005
3.	Menyusun Pelan Strategik • Menyelaraskan proses bajet tahunan dan persediaan bajet mengikut Pelan Strategik.	Ogos, 2005
4.	Mengadakan Pasukan Petugas bagi Pengurusan Perubahan dan Pasukan Petugas Pelan Perniagaan. • Membangunkan Pelan Pengurusan Perubahan dan Programnya. • Membangunkan strategi terperinci, pelan tindakan terperinci, tempoh pelaksanaan, ukuran-ukuran dan matlamat, dikhususkan sehingga ke peringkat jabatan/bahagian dan pekerja.	Ogos, 2005
5.	Mengadakan pasukan petugas pembangunan Modal Insan untuk membangunkan strategi dan Pelan Tindakan Pembangunan Insan yang terperinci.	Ogos, 2005
6.	Memperkemaskan Unit Pengurusan Perhubungan Pelanggan. • Membangunkan fungsi Unit • Menjalankan kajian jenama/identiti/imej kementerian. • Membangunkan program Komunikasi Korporat.	Oktober, 2005

Lampiran

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

Kementerian Wilayah Persekutuan

- Menguruskan kemajuan dan pembangunan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
- Dasar-dasar tentang kerajaan tempatan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
- Perancangan Lembah Klang
- Perintah tahanan oleh Yang di-Pertuan Agong dibawah Kanun Tatacara Jenayah
- Pentadbiran Mahkamah Anak Negeri di Wilayah Persekutuan Labuan
- Hal ehwal kepulauan (*Outer Islands*)
- Akta Ibu Kota Persekutuan 1960
- Dasar-dasar hal ehwal bandaraya Kuala Lumpur
- Dasar mengenai kadar-kadar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Dasar mengenai perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001
- Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995

Catatan:



Hakcipta Terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin KWP terlebih dahulu.